

Apakah Yang Perlu Diketahui?

Lawatan LHDN ke Premis Perniagaan



Bersama
SALIHIN ABANG
CA (M), CFP, ATII, B.ACC (IIUM)
Asna Tax Services
Sdn Bhd
www.salihin.com.my

Siri 1

DALAM banyak siri ceramah dan penerangan kepada para usahawan, pihak Salihin Consulting sering diajukan soalan apakah sebabnya pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) datang ke premis perniagaan mereka. Untuk menjawab persoalan tersebut, dalam keluaran kali ini, kita akan membincangkan serba sedikit mengenai apakah tujuan lawatan pihak LHDN dan mengapa mereka hadir ke premis perniagaan usahawan.

Semenjak Sistem Taksiran Sendiri (STS) dilaksanakan pada tahun 2001, aktiviti lawatan ke premis perniagaan usahawan semakin giat dilakukan oleh LHDN. Lawatan yang berbentuk audit dan penyiasatan cukai adalah di antara mekanisma utama yang di gunakan untuk menjayakan STS tersebut.

Seksyen 80 Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 memperuntukkan kuasa kepada pihak LHDN untuk me-

masuk ke bangunan premis perniagaan dan untuk mendapatkan maklumat dan dokumen mengenai perniagaan. Sementara sekyen 116 daripada ACP 1967 menyatakan kesalahan dan penalti yang boleh dikenakan jikalau kita menghalang atau tidak membenarkan pihak LHDN daripada memasuki atau mendapatkan maklumat yang sepatutnya untuk tujuan percukaian. Denda yang boleh dikenakan adalah tidak kurang daripada Ringgit Malaysia satu ribu dan tidak melebihi Ringgit Malaysia sepuluh ribu atau penjara tidak melebihi satu tahun atau keduanya sekali.

Antara tujuan pihak LHDN hadir ke premis perniagaan adalah untuk melaksanakan perkara berikut iaitu;

- Menjalankan audit potongan cukai berjadual (atau dikenali audit PCB)
- Menjalankan audit cukai.
- Penyiasatan cukai.
- Menjalankan banci perniagaan.
- Menjalankan perisikan mengenai sesuatu entiti perniagaan.

Untuk tujuan perbincangan kita pada kali ini, kita akan membincangkan audit PCB dan audit cukai terlebih dahulu dan dalam keluaran yang akan datang kita akan menyambungkan perbincangan mengenai penyiasatan, perisikan cukai dan banci cukai.

AUDIT POTONGAN CUKAI BERJADUAL (PCB), (atau lebih dikenali sebagai audit PCB)

Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 mengkehendaki para majikan membuat potongan cukai berjadual dan meremitkan bayaran cukai tersebut ke LHDN bagi para pekerja mereka yang layak. Jumlah yang patut dipotong bergantung kepada jadual yang disediakan oleh LHDN (sila



• Majikan bertanggungjawab membuat potongan cukai pekerja yang layak

rujuk kepada Jadual Potongan Cukai Berjadual (PCB) LHDN yang boleh didapati daripada agen cukai atau melawati laman sesawang LHDN www.hasil.org.my. Pihak LHDN mengkehendaki majikan untuk membuat potongan dan meremitkan bayaran PCB sebelum atau pada 10 haribulan pada tiap-tiap bulan. Kelewatan meremitkan bayaran PCB juga boleh menyebabkan majikan didenda.

Punca audit PCB

Sebab utama mengapa audit PCB dijalankan adalah untuk memastikan pemotongan cukai dari gaji pekerja dengan jumlah yang betul telah dibuat dan potongan tersebut diremit kepada LHDN dalam masa yang ditetapkan. Para perkerja perlu peka dan boleh membuat semakan di pejabat LHDN untuk mengetahui sama ada potongan PCB ke atas mereka telah diremitkan oleh majikan mereka atau tidak. Aduan boleh dibuat jika majikan mereka gagal meremitkan PCB ke LHDN. Sementara itu, kelewatan membuat bayaran yang berulang juga boleh mengundang LHDN datang untuk membuat audit PCB.

Perkara yang perlu diketahui

Apabila pihak LHDN datang untuk membuat audit PCB ada beberapa perkara yang perlu diketahui. Pembayar cukai terlebih dahulu boleh mendapatkan pengesahan daripada LHDN samada pegawai LHDN yang datang adalah pegawai yang sebenarnya daripada LHDN dan bertanya kepada mereka apakah tujuan kedatangan mereka. Disamping itu, pembayar cukai juga harus menyediakan dokumen yang berkaitan dengan gaji pekerja. Ini termasuklah *payroll*, dokumen berkaitan kontrak pekerjaan, buku daftar pekerja, akaun-akaun yang berkaitan dan maklumat-maklumat yang dirasakan perlu oleh pegawai audit.

Pegawai audit LHDN akan menyemak semua maklumat yang berkaitan dengan PCB. Selepas audit dibuat, pihak LHDN akan mengemukakan penemuan audit mereka. Di antara penemuan audit yang lazim ialah potongan PCB yang tidak mencukupi dan amaun PCB yang dipotong tidak diremitkan kepada LHDN. Untuk kes di mana potongan PCB tidak dibuat dan amaun yang dipotong tidak diremitkan, pihak LHDN akan mengeluarkan notis pemberitahu tindakan mahkamah akan diambil untuk mendapatkan semula sejumlah amaun yang tidak diremitkan. Apabila perkara ini berlaku jika pembayar cukai atau majikan yang didapati bersalah, mereka boleh



• Majikan perlu peka pada keperluan cukai

didenda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-dua sekali. Dalam kes yang melibatkan majikan, biasanya pihak LHDN akan mengarahkan pengarah syarikat untuk hadir ke mahkamah.

LAWATAN AUDIT CUKAI

Sebelum tahun 2000, pihak LHDN telah menggunakan sistem yang dipanggil, Official Assessment System atau OAS, tetapi bermula dari tahun 2001, pihak LHDN telah beralih kepada Sistem Taksiran Sendiri (STS) untuk syarikat dan pada tahun 2004, sistem ini telah diperluaskan meliputi semua kategori pembayar cukai.

Bermulanya STS ini bermakna pembayar cukai dibenarkan membayar cukai secara sukarela atau *voluntary payment* untuk jumlah pendapatan dan cukai yang dikenakan. Untuk memastikan laporan dan penyata kewangan yang di hantar kepada pihak LHDN adalah betul, maka semakan akan dilakukan oleh pegawai audit LHDN. Semakan audit ini dipanggil audit cukai.

Secara ringkasnya audit cukai adalah semakan ke atas penyata kewangan atau pendapatan yang diikrarkan kepada LHDN untuk memastikan jumlah yang dilaporkan dan bayaran yang dibuat adalah betul dan selaras dengan kehendak Akta Cukai Pendapatan 1967.

Ini melibatkan pihak LHDN akan datang ke premis perniagaan individu atau syarikat untuk membuat audit atau semakan berkenaan akaun-akaun dan penyata kewangan yang dihantar.

Punca kedatangan

• Banyak pertunjuk-petunjuk yang digunakan oleh